

# Anwar dakwa ada cubaan jatuhkan kerajaan PH

BH-24/2/2020 m/s: 4

Presiden PKR  
sifatkan  
sebagai satu  
pengkhianatan  
kerana janji  
sudah dibuat

Oleh Wartawan BH  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mendakwa ada cubaan menjatuhkan kerajaan Pakatan Harapan (PH), membabitkan pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan segelintir Ahli Parlimen PKR.

“Kita tahu ada percubaan untuk jatuhkan kerajaan PH melibatkan segelintir pengkhianat dalam PKR.

“Kita tunggu dulu. Mereka sudah mengadakan Tuanku Yang di-Pertuan Agong (Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah) petang tadi (semalam) dan belum ada pengumuman,” katanya ketika menjawab pertanyaan tetamu majlis tazki-



Anwar pada majlis bersama penyokong di rumahnya di Kampung Segambut Dalam, Kuala Lumpur, semalam.

rah di kediamannya di Kampung Segambut Dalam, di sini, yang disiarkan menerusi Facebook malam tadi.

Anwar mengakui, semua pihak terkejut dengan perkembangan yang berlaku semalam, yang disifatkan beliau sebagai suatu pengkhianatan kerana janji sudah dibuat.

“Hari ini, dengan perkemba-

ngan yang bagi kita satu pengkhianatan kerana sudah janji dan sebagainya, maka menyebabkan ada perubahan.

“Saya agak kemungkinan itu akan berlaku dalam masa terdekat, mungkin esok (hari ini) walaupun tidak ada pengumuman dibuat malam ini (malam tadi), tetapi maklumat yang saya terima ada usaha sedemikian,”

katanya.

Wartawan yang berhimpun di hadapan kediamannya tidak berpeluang menyertai sesi tazki-rah itu apabila diminta keluar selepas solat Maghrib.

Anwar pula dijadualkan menghadap Al-Sultan Abdullah hari ini.

Setiausaha Politiknya, Farhash Wafa Salvador Rizal Mubarak, ba-

gaimanapun berkata, pertemuan itu sudah diatur lebih awal, selepas mendapat perkenan sembah menghadap baginda.

“Memang ada, tetapi ini perancangan yang sudah dibuat sekian lama, cuma untuk sampaikan perkembangan semasa,” katanya.

Kali terakhir Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson, dilaporkan mendapat perkenan menghadap Yang di-Pertuan Agong, pada 16 Oktober lalu atas kapasitinya sebagai Presiden PKR.

Sementara itu, laungan ‘Reformasi’ dan ‘Hidup Anwar’ serta ‘lawan tetap lawan’ kembali bergema di kediaman Anwar pada jam 9.30 malam tadi.

Laungan ungkapan itu sudah lama tidak kedengaran sejak PH membentuk kerajaan selepas kemenangan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang lalu.

Lebih 300 hadirin dipercayai pengikut Anwar berkumpul dalam kediaman Presiden PKR itu malam tadi.

DAP yang juga komponen PH pula dijadual mengadakan mesyuarat tergepar berkenaan perkembangan terbaru politik tanah air di ibu pejabat parti itu hari ini.